

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN INTERNET DAN E – MEL DI KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA SERTA JABATAN DIBAWAHNYA

TUJUAN

Untuk memberi garis panduan penggunaan Internet dan E-mel di kalangan kakitangan Kementerian Sumber Manusia serta Jabatan dibawahnya.

LATAR BELAKANG

2. Dalam menyahut saranan kerajaan ke arah penubuhan Kerajaan Elektronik, sekarang Kementerian Sumber Manusia dalam pelaksanaan Projek *Electronics Labour Exchange (ELX)* iaitu merupakan aplikasi perdana Kerajaan Elektronik ke 6. Dalam Projek *ELX* didapati aplikasi *Office Productivity Support System (OPSS)* akan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan Internet serta penggunaan e-mel bagi meningkatkan otomasi pejabat. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang meluas di kalangan kakitangan Kementerian serta Jabatan diharapkan dapat mengurangkan kos operasi, meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

3. Kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap keselamatan ICT. Penggunaan Internet dan E-mel di Jabatan yang tiada batasnya akan memungkinan berlakunya penyalahgunaan Internet dan E-mel di kalangan kakitangan. Demi menjamin keselamatan ICT dan memantau penyalahgunaan Internet dan E-mel maka, satu peraturan atau garis panduan tertentu perlu diwujudkan.

BATASAN PENGGUNAAN INTERNET DAN E-MEL

4. Penggunaan Internet dan E-mel adalah untuk *urusan rasmi* sahaja. Ini sejajar dengan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 - **Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan.**

PANDUAN PENGGUNAAN INTERNET DAN E-MEL DI DALAM ATAU DI LUAR WAKTU PEJABAT

5.1 Penggunaan Internet dan E-mel pada waktu rasmi pejabat **mestilah** untuk maksud dan tujuan yang telah ditetapkan sahaja. Ini termasuklah penggunaan perkhidmatan Internet dan E-mel untuk tujuan melatih kakitangan.

5.2 Penggunaan ICT yang lebih meluas dapat mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti. Oleh itu Unit Operasi Bahagian atau Jabatan di peringkat Negeri dan Daerah

perlulah mengendalikan panduan untuk akauntabiliti dan tanggungjawab penggunaan Internet dan E-mel bagi kakitangan masing-masing.

- 5.3 Akses kepada Internet hendaklah menggunakan piawaian dan kelengkapan (*tools*) yang telah disediakan. Bahagian Teknologi Maklumat perlulah dimaklumkan terlebih dahulu jika ada keperluan untuk akses kepada Internet dengan cara penyelesaian atau kaedah lain yang unik.
- 5.4 Kakitangan Kementerian serta jabatan perlu memastikan bahawa kehadiran mereka dalam Internet dan E-mel menepati keperluan misi dengan caralaku yang profesional.
- 5.5 Kakitangan Kementerian serta jabatan perlu memastikan bahawa maklumat rasmi yang dihantar melalui E-mel adalah lengkap, tepat, relevan, terkini dan dipersembahkan dengan cara yang profesional.
- 5.6 Penggunaan Internet dan E-mel hendaklah dijadikan sebagai peralatan teknologi maklumat untuk bertukar maklumat dalaman dan dengan pihak luar Kementerian/Jabatan. Ianya bolehlah disifatkan sebagai salah satu alternatif kepada '*network*' komunikasi komersial yang disediakan oleh Kementerian.
- 5.7 Pengguna e-mel hendaklah sentiasa mengimbas fail dalam kotak mel dengan perisian anti-virus. Berwaspadalah kerana e-mel adalah cara paling mudah untuk menghantar virus dari sebuah komputer ke komputer yang lain. Anda juga hendaklah memastikan fail yang akan dihantar melalui lampiran (attachment) bebas dari virus. Jika tidak, dengan cara tidak sengaja anda mungkin telah menyebabkan virus itu merebak dengan meluas dan merumitkan langkah-langkah pembaikan.
- 5.8 E-mel juga mungkin terdedah kepada pencerobohan atau dicapai oleh penceroboh (*hackers*). Berwaspadalah ketika menghantar atau menyimpan mel dalam kotak mel. E-mel sebolehnya tidak mengandungi maklumat rahsia yang boleh disalahgunakan untuk merosakkan anda, organisasi atau negara anda.
- 5.9 Penggunaan E-mel dan internet di luar waktu pejabat tidaklah terhad kepada penggunaan rasmi sahaja kecuali ditegah oleh polisi Kementerian/Jabatan Negeri. Ini bertujuan untuk membantu kakitangan dalam memahirkan diri dalam penggunaan Internet di samping mempertingkatkan lagi pembangunan profesionalisme mereka dengan kos yang minima kepada kerajaan.
- 5.10 Memastikan keselamatan ICT di bawah jagaan dan kawalannya. Ini termasuk semua data, peralatan, rangkaian dan kemudahan ICT.

Empat komponen asas keselamatan ICT perlu ditekankan iaitu:

- a) Melindungi maklumat rahsia rasmi dan maklumat rasmi kerajaan dari capaian tanpa kuasa yang sah;
- b) Menjamin setiap maklumat adalah tepat dan sempurna;
- c) Memastikan ketersediaan maklumat apabila diperlukan oleh pengguna; dan
- d) Memastikan akses kepada hanya pengguna-pengguna yang sah atau penerimaan maklumat dari sumber yang sah.

5.11 Aktiviti-aktiviti yang ditegah semasa melayari INTERNET dan E-MEL:
(di dalam dan di luar waktu pejabat)

- a) Menjalankan aktiviti perniagaan persendirian atau aktiviti yang mendatangkan keuntungan kewangan persendirian;
- b) Perkara-perkara yang bertujuan ke arah kemenangan atau kejatuhan mana-mana parti politik atau calon-calon parti atau kumpulan politik ;
- c) Aktiviti melobi secara terus atau tidak terus yang diharamkan;
- d) Penggunaan Internet *sites* yang melibatkan caj tambahan kepada kerajaan;
- e) Berkelakuan diskriminasi seperti menghasut, memfitnah dan menghantar berita palsu;
- f) Memperolehi, melihat atau *mengedar* bahan-bahan lucah;
- g) Aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan nama baik Kementerian serta jabatan;
- h) Mencerobohi mana-mana undang-undang atau peraturan berkuatkuasa;
- i) Aktiviti perbualan melalui internet (*Chat*).
- j) Aktiviti *games* dan permainan VCD/VD.

5.12 Penggunaan pencetak, pengimbas atau bekalan pejabat lain untuk Internet dan E-mel Persendirian adalah tidak digalakkan sama sekali.

5.13 Penggunaan Internet persendirian boleh juga diawasi dan direkod. Rekod pengawasan boleh dijadikan bukti tentang salah laku dan aktiviti kriminal kakitangan kepada pihak penguatkuasa yang berkaitan.

PENAFIAN

6. Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah yang timbul semasa/disebabkan oleh salah laku penggunaan Internet dan E-mel Kementerian dan Jabatan.